

BERITA HARIAN, SABTU, 17 JUN, 1978

Jangan tertipu dengan dakyah parti2 lawan — Dr. M

ALOR SETAR, Jumaat (Bernama) — Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan rakyat supaya jangan terpengaruh dengan dakyah parti-parti pembangkang yang cuba mendapatkan sokongan mereka dalam pilihanraya akan datang.

Katanya, parti-parti pembangkang, terutama PAS dan DAP akan menggunakan isu perkauman dalam kempen mereka untuk mempengaruhi rakyat mengundi calon-calon mereka.

Parti-parti tersebut akan "membakar hati orang-orang Melayu dan China" dengan isu perkauman untuk menimbulkan perasaan benci dan marah di antara satu dengan lain, tambahnya.

Berucap kepada pemimpin dan ahli MCA Kubang Pasu di Sekolah Jenis Kebangsaan China Chong Hwa di Jitra, 12 batu dari sini, Dato Seri Dr. Mahathir berkata, parti-parti lawan akan menggunakan apa saja peluang untuk mencapai kemenangan dalam pilihanraya akan datang tanpa memikirkan akibatnya.

Tetapi setelah menang mereka akan lupa segala tanggungjawab mereka kepada pengundi-pengundi seperti yang telah berlaku dalam pilihanraya-pilihanraya yang lalu. Dato Seri Dr. Mahathir menyeru pengundi-pengundi China memberi sokongan dan kerjasama kepada calon-calon Barisan Nasional bagi memastikan kemenangan mereka dalam pilihanraya akan datang.

Katanya, calon-calon Barisan sahajalah yang dapat memberi perkhidmatan sepenuhnya kepada rakyat sekiranya mereka dipilih.

Menurutnya Kerajaan Barisan Nasional telah membuktikan kesanggupan dan kemampuan untuk memerintah negara dan membawa kemajuan serta kemakmuran kepada rakyat.

Belliau juga mengingatkan tentang perihetahaknya keamanan dan kestabilan politik serta ekonomi negara ini dikekalkan

No. 5
No. 6